

BAHAGIAN IV — Larangan

4.1 Menggunakan Kenderaan Motor Tanpa Kebenaran

Tiada kakitangan atau pelajar yang boleh memandu sesebuah kenderaan motor dalam kampus tanpa kebenaran Naib Canselor seperti dinyatakan pada peraturan 3.1.

4.2 Memandu Melebihi Had Laju

Tiada kakitangan atau pelajar yang boleh memandu sesebuah kenderaan motor dalam kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang ditunjukkan oleh isyarat lalulintas.

4.3 Memandu Kenderaan Motor Tidak di atas Jalanraya

Tiada kakitangan atau pelajar boleh memandu kenderaan motor di mana-mana tempat kecuali di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada kenderaan motor boleh dipandu di laluan kecemasan, di atas laluan jalankaki, bahu jalan, atas rumput, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bahagian mana-mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas untuk laluan kenderaan motor.

4.4 Meletak Kenderaan Secara Menghalang

Tiada kakitangan atau pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang menyebabkan bahaya halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

4.5 Menggunakan Ruang Letak Kenderaan Yang Diuntukkan

Jika suatu ruang letak kenderaan diuntukkan bagi kenderaan motor tertentu, tiada kakitangan atau pelajar boleh meletak kenderaan lain dalam ruang letak kenderaan itu.